

Elemen Kolaborasi Dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam Melalui Pendekatan Heutagogi (*Elements of Collaboration in the Teaching of Islamic Education Teachers Through a Heutagogical Approach*)

Noor Muslieah Mustafa Kamal^{1*}, Zaharah Hussin¹, Abdul Muhsien Sulaiman¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

*Pengarang Koresponden: zaharah@um.edu.my

Accepted: 15 April 2022 | Published: 1 May 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.29>

Abstrak: Elemen kolaborasi adalah penting dalam pengajaran guru Pendidikan Islam untuk menyetengahkan pembelajaran sendiri seperti heutagogi. Bagi mencapai kemenjadian murid dalam penyampaian pendidikan, kolaborasi dapat membantu usaha memfokuskan pembelajaran berpusatkan murid. Namun, bagaimanakah elemen kolaborasi dibentuk oleh guru Pendidikan Islam di sekolah menengah semasa proses pengajaran dengan pendekatan heutagogi? Justeru itu, bagi menjawab persoalan ini, penyelidikan menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian kes telah dijalankan. Data dikutip melalui kaedah temu bual separa berstruktur dan penelitian terhadap dokumen. Seramai empat orang guru Pendidikan Islam sekolah menengah dari empat buah sekolah berbeza di empat buah negeri telah dipilih sebagai peserta kajian dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Empat kriteria ditetapkan, iaitu; 1) menampilkan pengajaran dengan pendekatan heutagogi, 2) menerima pengiktirafan berkaitan pengajaran, 3) mempunyai ikhtisas dan mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam, dan 4) sukarela dan memberikan kerjasama. Selain itu, kajian ini juga melibatkan empat orang murid dari sekolah yang terlibat sebagai sokongan kepada data yang diperolehi. Data dikumpulkan melalui kaedah temu bual dan analisis dokumen. Data temu bual ditranskripsikan dan dianalisis secara bertema dan seterusnya ditriangulasikan dengan analisis dokumen. Perbandingan antara data dalam kalangan peserta kajian dibuat agar dapat membentuk tema yang tepat. Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat cara elemen kolaborasi dibentuk dalam pengajaran dan pembelajaran guru iaitu gerak kerja berkumpulan, variasi kemahiran kumpulan, penggunaan teknologi dan penglibatan bersama komuniti. Dapatan ini dapat memberi impak kepada guru khususnya dan pentadbir sekolah amnya untuk memperbaiki kaedah pengajaran agar segerak dengan keperluan semasa murid. Malah, penerapan kolaborasi terhadap murid juga berupaya membuka ruang pembelajaran yang lebih luas untuk penglibatan pihak tertentu dalam membantu kemajuan pendidikan negara.

Kata kunci: kolaborasi; pendekatan heutagogi, pengajaran guru; Pendidikan Islam; kualitatif; pembelajaran sendiri

Abstract: To emphasise self-learning through heutagogy, Islamic Education teachers need to incorporate elements of collaboration into their lessons. Efforts to focus on student-centered learning can be improved by collaborating with other educational institutions. However, how are Islamic Education teachers in secondary schools able to develop a collaborative aspect during the teaching process using heutagogical approaches? It was therefore decided to

investigate this subject through qualitative methods and the case study approach. Semi-structured interviews and the analysis of documents were used to gather data. As a result of a purposive sampling approach, four secondary school Islamic Education instructors were selected from four separate schools in four distinct states. Teaching using a heutagogical approach; receiving teaching-related recognition; having the profession and teaching the subject of Islamic education; and providing assistance and cooperation were all considered as part of the selection process. In addition, four students from each of the participating schools were selected to assist in the collection of data. Interviews were conducted, and data was gleaned from documents. A thematic analysis of the interview transcripts was followed by a triangulation with document analysis. In order to get a reliable theme from the data collected from the participants, comparisons were done across groups. According to the findings, the aspects of collaboration can be generated through group work, group skills variation, technology use and community involvement. Teachers and school officials can use these data to better align their methods of instruction with the current demands of their students. In reality, encouraging students to work together can provide a broader learning opportunity for all those interested in contributing to the advancement of national education.

Keywords: collaboration; heutagogical approach, teacher teaching; Islamic studies; qualitative; self-learning

1. Pendahuluan

Sudah menjadi kebiasaan apabila guru melihat murid bekerjasama dengan rakan sebaya dalam kumpulan kecil di dalam bilik darjah. Pembelajaran secara kolaboratif bukanlah sesuatu yang baru. Interaksi yang berlaku membolehkan perbincangan dan perkongsian idea untuk mencapai persefahaman (Muhamad Azhar et al., 2017). Bahkan, al-Quran telah memainkan peranan penting dalam menegaskan kepentingan amalan kolaborasi sepertimana yang terdapat di dalam surah Al-Maidah (2) yang bermaksud: “Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan”. Berpandukan kupasan ayat Al-Quran tersebut, umat manusia dianjurkan melaksanakan amalan tolong-menolong ataupun kolaborasi pada landasan perkara kebaikan, manakala larangan tolong-menolong dan kolaborasi dalam perkara mungkar dan maksiat (Mohd Faiz & Muhamad Rozaimi, 2016). Falsafah humanisme menggalakkan guru membantu murid untuk berinteraksi dengan persekitaran mereka dengan aktiviti yang bersesuaian dengan murid (Rohmana & Rinda, 2019). Ibnu Khaldun (2002) juga menekankan keperluan mengadakan kolaborasi sebagai salah satu kaedah pengajaran yang perlu dilaksanakan. Melalui kolaborasi dengan pihak yang mempunyai kepakaran, pemahaman terhadap sesuatu pengetahuan akan bertambah kukuh. Kolaborasi dalam pengajaran dan pembelajaran bukan semata-mata antara guru dan murid tetapi juga melibatkan ibu bapa dan komuniti (Wan Ali Akbar et al., 2021).

2. Latar Belakang Kajian

Sikap proaktif guru untuk menjalinkan kolaborasi dengan pihak luar yang mempunyai kepakaran akan berupaya meningkatkan keberkesanan pembelajaran di samping membentk pemikiran dan minda yang lebih terbuka. Usaha ke arah meningkatkan kualiti pendidikan memerlukan kolaborasi daripada kalangan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta bertindak sebagai rakan kongsi di dalam pendidikan (KPM, 2013). Hui dan Mason (2005) menjelaskan bahawa kesedaran penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak berlaku dalam tiga keadaan

iaitu (1) kewujudan hubungan, (2) pengaruh pembelajaran dan (3) nasihat kepentingan pendidikan. Dalam masa yang sama, pihak sekolah dan ibu bapa juga mempunyai tanggungjawab yang perlu dikongsi bersama berkaitan pendidikan anak. Selain ibu bapa, jaringan dan kerjasama antara sekolah dengan pelbagai pihak dapat membantu sekolah untuk melaksanakan aktiviti bagi meningkat pencapaian murid. Oleh yang demikian, peluasan penglibatan pihak berkepentingan seperti komuniti setempat ke dalam ekosistem sekolah merupakan salah satu inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 amnya dan merupakan teras strategik ketiga dalam Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 (Unit Perancang Ekonomi, 2015).

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, elemen kolaborasi merupakan sebahagian daripada kemahiran asas dalam pembelajaran abad ke-21. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menasaskan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) mampu membentuk murid yang memiliki kemahiran untuk kehidupan masa hadapan (Laal & Godshi, 2011; Sylviana Mantihal and Siti Mistima, 2020). Aspirasi ini akan tercapai dengan adanya sistem pendidikan yang mantap bersama penglibatan guru, murid dan pemegang taruh. Lebih-lebih lagi keadilan dalam penyampaian pendidikan berupaya melonjakkan pencapaian dan penguasaan kemahiran abad ke-21 tanpa mengira latar belakang keluarga, lokasi dan kedudukan geografi atau jantina. Sehubungan dengan itu, guru perlu memiliki kemahiran pedagogi bersikap holistik dengan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk bersaing dalam era globalisasi (Muhammad Ayisy & Mohd Ashraf, 2019). Bertepatan dengan hal ini, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah digubal bertujuan meningkatkan keberhasilan murid dalam proses pengajaran. Keberhasilan murid yang berkualiti akan dapat dicapai apabila mereka mempunyai pengetahuan, mengamalkan etika dan kerohanian, menghayati identiti nasional serta menguasai kemahiran berfikir, kemahiran memimpin dan kemahiran dwibahasa (KPM, 2013). Oleh yang demikian, murid sewajarnya dididik dengan memberi peluang untuk berkomunikasi dengan rakan sebaya, menyajikan dan mempertahankan idea, bertukar kepercayaan yang pelbagai dan menyoal secara aktif dalam persekitaran pembelajaran PAK21 yang mementingkan kemahiran kolaboratif ini (Wan Mariana & Kamarul Shukri, 2019).

Keutamaan terhadap kemenjadian murid dalam proses pendidikan, memerlukan guru membuat pertimbangan semula terhadap pendekatan pengajaran sedia ada. Pada abad ke-21, murid dijangka memiliki tahap autonomi yang tinggi dan menunjukkan inisiatif dalam proses pembelajaran. Pendekatan pengajaran yang diamalkan mestilah seiring dengan perubahan gaya murid mencari ilmu. Murid inginkan kebebasan dalam meneroka ilmu serta mempunyai keinginan sendiri untuk menentukan corak pembelajaran yang sesuai dengan jiwa dan kehendak mereka. Oleh yang demikian, Heutagogi atau pembelajaran penentuan sendiri (*self-determined learning*) bertepatan untuk diamalkan dalam pendidikan abad ke-21 (Hase & Kenyon, 2013). KPM juga menggalakkan pembelajaran sendiri sebagai salah satu strategi pengajaran berpusatkan murid dengan mengikut kebolehan dan keupayaan mereka sendiri (KPM, 2002). Malah, Ibnu Khaldun juga menegaskan bahawa proses pembelajaran melalui pengalaman merupakan salah satu kaedah untuk menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran murid (Ibnu Khaldun, 2002). Dengan cara ini, murid akan dapat merasai pengalaman belajar disamping mengetahui tentang proses dan sumber pelajaran itu sendiri (Blaschke et al., 2014; Fisk, 2017). Apabila murid menjadi agen utama dalam pendekatan heutagogi, mereka akan mengalami proses pembelajaran secara semula jadi (Hase & Kenyon, 2007). Dalam masa yang sama, kandungan, aktiviti dan bahan pembelajaran juga diaturkan oleh murid secara sendiri (Sumarsono, 2020). Namun begitu, guru tetap berperanan sebagai pemudah cara untuk membimbing murid secara berterusan meskipun pendekatan heutagogi menekankan pengembangan autonomi dan tanggungjawab murid terhadap pembelajaran secara aktif

(Blaschke, Hase & Kenyon, 2014). Makna guru sebagai pemudah cara adalah bertindak sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong dan penilai dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran, (KPM, 2016).

Menurut Hase & Kenyon (2013), pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara heutagogi dapat dilihat apabila murid terlibat dalam merancang dan membentuk aktiviti, kandungan dan penilaian bersama guru, memberi peluang kepada murid untuk menggunakan sumber pelajaran secara terbuka, guru mengurangkan kawalan semasa beraktiviti berlangsung serta aktiviti berlaku secara aktif dan kolaboratif. Bahkan, heutagogi menekankan enam elemen yang diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran secara heutagogi seperti meneroka, mencipta, kolaborasi, berhubung, berkongsi dan refleksi (Blaschke, 2018). Pengajaran dan pembelajaran secara kolaboratif amat penting dalam menzahirkan pendekatan heutagogi yang berjaya. Dalam konteks ini, kolaborasi murid apabila mereka belajar bersama, mengadakan perbincangan, pembentangan konsep dan idea serta berfikir secara kritis dan kritikal tentang sesuatu perkara (Canning & Callan, 2010). Dengan adanya elemen kolaborasi, murid dapat membina kerjasama antara satu sama lain dalam komuniti pembelajaran (Nurul Aisyah Kamrozzaman et al., 2019). Kolaborasi boleh berlangsung dalam aktiviti berkumpulan untuk berkongsi idea dan maklumat (Ainun Rahmah Iberahim et al., 2017) serta menyelesaikan tugas (Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail, 2018). Peluang jaringan kolaborasi menjadi mudah serta membuka peluang kepada rangkaian hubungan serata dunia dengan kemajuan teknologi (Blaschke, 2019).

Kajian berkaitan pendekatan heutagogi terutamanya di peringkat sekolah menengah masih belum giat dijalankan bagi mata Pelajaran Pendidikan Islam. Bagi mewujudkan peluang terbaik untuk murid bekerjasama, guru perlu mempertimbangkan tujuan mereka bentuk persekitaran yang lebih kolaboratif dan interaktif. Bahkan, guru juga perlu mempertimbangkan bagaimana murid boleh dibantu untuk membina kemahiran pembelajaran, kebolehan komunikatif, keyakinan dan rangkaian sosial untuk pembelajaran. Perbincangan ini menunjukkan keperluan kepada kepentingan kolaborasi bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru dan pembelajaran murid. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk meneroka bentuk kolaborasi yang berlaku dalam kalangan murid semasa proses pengajaran guru Pendidikan Islam melalui pendekatan heutagogi.

3. Metodologi

Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif. Pemilihan reka bentuk secara kajian kes membolehkan pengkaji melaksanakan penerokaan secara mendalam (Yin, 2011) serta berupaya mendapatkan huraian yang terperinci berkaitan kes yang dikaji (Creswell, 2014). Pemilihan peserta kajian menggunakan kaedah persampelan bertujuan bagi memperolehi maklumat yang kaya dan mendalam. Seramai empat orang guru telah dipilih sebagai peserta kajian yang menepati kriteria berikut iaitu 1) menampilkan pengajaran dengan pendekatan heutagogi, 2) menerima pengiktirafan berkaitan pengajaran, 3) mempunyai ikhtisas dan mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam, dan 4) sukarela dan memberikan kerjasama. Selain itu, kajian ini juga melibatkan empat orang murid dari sekolah yang terlibat dengan kajian sebagai pengesahan kepada data primer dan sekunder yang diperolehi.

Pengumpulan data bagi kajian ini menggunakan temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Protokol temu bual dibina berdasarkan objektif dan rujukan kajian lepas agar dapat menjawab persoalan kajian yang dikehendaki. Sesi temu bual dijalankan secara dalam talian menggunakan aplikasi *Google Meet* kerana pihak sekolah tidak membenarkan pertemuan

secara bersemuka di sekolah bagi mematuhi peraturan berkaitan pengurusan penyakit berjangkit Covid 19. Selain itu, kajian ini juga merangkumi penganalisisan dokumen sebagai data sekunder yang dapat memberi makna terhadap temu bual yang dijalankan. Peserta kajian memberikan kerjasama dengan menyediakan gambar-gambar sewaktu pengajaran di lakukan, bahan pengajaran, salinan RPH dan rekod kehadiran murid. Perbandingan data temu bual dan analisis dokumen antara peserta kajian akan membentuk triangulasi data serta meningkatkan kesahahan dan kebolehpercayaan kajian. Bagi memastikan pengurusan pengkodan lebih teratur dan sistematik, pengkaji menggunakan Nvivo Plus 12. Data temu bual dikategorikan dan dianalisis menggunakan pengkodan bagi menghasilkan tema.

4. Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Kolaborasi bermaksud gabungan sebilangan murid yang bekerjasama dan menjalankan tugas secara berganding bahu untuk menyelesaikan tugas atau mencipta suatu hasil pembelajaran. Dalam pendekatan heutagogi, murid yang berkolaborasi berupaya membentuk persekitaran pembelajaran yang aktif. Dalam konteks kajian ini, elemen kolaborasi dibentuk dalam pengajaran dan pembelajaran guru melalui empat cara. Empat cara tersebut ialah gerak kerja berkumpulan, memanfaatkan variasi kemahiran, penggunaan teknologi dan penglibatan komuniti.

a) Gerak kerja berkumpulan

Semua peserta kajian mengutamakan aktiviti secara berkumpulan. Aktiviti berkumpulan akan dapat dijalankan dengan baik apabila murid mempunyai sikap kerjasama. Setiap kumpulan mestilah melantik ketua kumpulan (UstazRashid/TBG1:265). Pelantikan ketua kumpulan diakui mempunyai tiga kelebihan, iaitu; satu, membantu guru melaksanakan aktiviti. Bagi Ustaz Rashid, ketua kumpulan boleh diberi tugas dan tanggungjawab untuk membantu ahli kumpulan mereka seperti menyemak dan menilai bacaan al-Quran bagi ahli kumpulan masing-masing (TBG1:268). Hal ini dapat dibuktikan dengan dokumen DG3Rashid yang menunjukkan beliau mengelola aktiviti bacaan al-Quran secara berkumpulan. Kedua, ketua kumpulan dapat meringankan tugas guru. Ustazah Salmi mengakui ketua kumpulan membantu guru dalam urusan kawalan murid (TBG1:101). Kata Ustazah Salmi, "*Sebab apabila kita masuk dalam kelas kita nak control 25 orang hingga 30 orang sangat menyukarkan. Berbanding kita cuma control 5 orang ketua kumpulan. Bila ada kumpulan akan ada ketua kumpulan, ketua kumpulan akan menjadi wakil kepada guru selain daripada memimpin dan mengurus ahli kumpulan masing-masing*" (TBG1:102-104).

Tiga, sikap kepimpinan murid juga akan dapat dilihat apabila mereka berkerjasama dalam kumpulan kerana, "*kita boleh nampak murid ni berkerjasama, kolaborasi pasti ada bila buat aktiviti secara berkumpulan dengan adanya sesi perbincangan*" (UstazahZakiah/TB1:50-51). Hal ini turut dipersetujui oleh murid yang menjelaskan, "*Meskipun tugas agak mencabar tetapi kami semua boleh lakukan dengan adanya kerjasama dalam kumpulan sendiri*" (Khatijah/TBM1:24-25). Walaupun sesi perbincangan dalam kumpulan tidak berlaku di hadapan guru, Ustazah Zakiah yakin bahawa murid sentiasa bekerjasama dalam kumpulan. Ustazah Zakiah berpandangan sedemikian dengan menilai dan melihat hasil kerja yang ditunjukkan oleh mereka (TBG1:268). Hal ini disokong oleh murid yang menyatakan, "*kerjasama yang kuat dalam kumpulan membolehkan tugas atau projek yang diberikan dapat diselesaikan dengan baik*" (Aiza/TBM1:66). Bagi mengekalkan prestasi murid dalam aktiviti kerja berkumpulan, guru hendaklah mengekalkan ahli kumpulan yang sama sepanjang tahun semasa. Hal ini sama seperti yang dijelaskan oleh murid yang lebih selesa berada dalam kumpulan yang sama untuk mendapatkan persefahaman yang baik sepertimana berikut,

“Persefahaman antara ahli kumpulan memang sangat penting. Cara nak bina bila kita duduk dalam satu kumpulan yang sama berulang kali, kalau tukar-tukar payahlah sikit (Aiza/TBM1:90-93). Hal ini juga dipersetujui oleh peserta kajian sepertimana Ustazah Salmi juga menceritakan pengalamannya seperti berikut:

Dan amalan pembahagian kumpulan yang baik pada saya ialah mengekalkan ahli kumpulan yang sama sepanjang tahun. Tak ada perubahan kumpulan kerana apabila ubah kumpulan akan ada beberapa isu iaitu masalah sesama mereka ahli kumpulan. Apabila bila kekalkan ahli kumpulan yang sama dari awal tahun hingga akhir tahun, mereka dapat mengekalkan prestasi mereka bila dalam aktiviti, hasil kerja mereka juga sangat baik. Selepas pembentukan kumpulan, kita akan mulalah bagi tugas untuk diselesaikan dalam kumpulan. Kadang-kadang kerja kelas pun atau homework biasa, kita akan taksir mengikut kumpulan. Di sini akan memupuk semangat persaingan supaya markah team dia lebih tinggi. Kumpulan ini bukan sekadar berfungsi untuk buat tugas, pembentangan untuk pendidikan Islam sahaja tapi dia akan berfungsi sepanjang tahun. Sama ada di susut sahsiah nya, akademiknya nak turun, dari situlah mereka akan lebih bersemangat untuk belajar (TB1:70-84).

Dalam konteks kajian ini, gerak kerja secara berkumpulan menjadi pilihan utama peserta kajian. Sifat sosial yang baik akan dapat dipupuk dengan adanya kerjasama dalam kumpulan (Mohd Asnorhisham et al., 2017). Kumpulan yang dibentuk akan berfungsi dengan adanya ketua kumpulan. Pelantikan ketua kumpulan akan dapat meringankan tugas guru dalam urusan kawalan murid dan pelaksanaan aktiviti disebabkan kebolehan mereka dalam memimpin. Hal ini selaras dengan Mohd Asnorhisham et al. (2017) bahawa ketua kumpulan akan bertindak sebagai penyelaras untuk mengkoordinasi aktiviti pembelajaran atau tugas. Malah, ketua kumpulan juga perlu mentadbir dan mengurus kumpulan supaya tidak berlaku salah faham agar tugas dapat disiapkan dalam tempoh yang diberikan (Noor Afzaliza Nazira & Maizatul Haizan, 2021). Peserta kajian juga bertindak mengekalkan ahli kumpulan yang sama sepanjang tahun sebagai mengukuhkan persefahaman antara murid. Hal ini demikian kerana guru dapat melihat perkembangan potensi murid dari awal sehingga akhir tahun. Persepakatan antara ahli kumpulan juga akan memudahkan kerjasama untuk mencari jawapan atau penyelesaian bagi sesuatu masalah (Abdull Sukor Shaari et al., 2017).

b) Variasi kemahiran kumpulan

Variasi kemahiran merupakan kekuatan dalam kerja berpasukan. Dengan adanya kepelbagaian kemahiran dalam kumpulan yang dibentuk, murid akan lebih mudah memberikan kerjasama kerana memberi sumbangan daripada sudut idea dan kemahiran mengikut kemampuan sendiri. Hal ini dipersetujui oleh Ustazah Salmi yang berkata, “*Dengan adanya pelbagai kemahiran, murid berupaya menjayakan projek dengan baik kerana tugas dapat diagihkan mengikut kemahiran masing-masing*” (TBG2:51-53). Ustazah Salmi juga memberikan gambar tangkap skrin yang menunjukkan pembahagian tugas murid mengikut peranan dalam aktiviti berkumpulan. Malah, murid juga menceritakan bahawa “*pembahagian tugas dalam kumpulan adalah mengikut kemahiran setiap ahli kumpulan secara adil*” (Maizatul/TBM1:72-73). Ustazah Zakiah menggambarkan contoh pengagihan tugas yang dilakukan oleh murid menerusi petikan berikut:

Mereka agih-agihkan tugas ikut ahli kumpulan untuk cerita tentang tajuk. Dan akan ada seorang yang akan present, dan bila seorang present, kawan-

kawan lain dalam ahli kumpulan boleh menyampuk top up presentation tadi. Maknanya, tugas ini telah pun dibincangkan di belakang kita. Mereka sendiri cari kemudian bandingkan pula dapatan mereka antara satu sama lain, pada sesiapa yang pandai bercakap, dia akan ke depan lah. Yang tak pandai bercakap, mereka ditugaskan untuk cari bahan, yang mana kepalanya gila-gila dia akan bersedia untuk menjawab soalan. Mereka akan bahagi tugas sesama mereka sendiri tanpa campur tangan guru. Kerana murid-murid ini sendiri tahu kelebihan dan kekurangan rakan-rakan mereka, dan masing-masing ada matlamat untuk menang kan (TBG1:141-148).

Hal ini disokong dengan temu bual bersama murid yang menyatakan, "*Pembahagian tugas tu berdasarkan apa yang mereka pandai. Contohnya Zarifah pandai buat poster, saya akan berikan dia buat poster. Farahanim pandai dan cepat belajar, jadi saya tugaskan dia belajar sesuatu yang baru seperti Google Form, dan saya akan minta dia ajar saya balik*" (Khatijah/TB1:118-120).

Apabila murid sudah mula berkolaborasi dengan baik dalam kumpulan, mereka akan lebih bermotivasi untuk memberi sumbangan mengikut kekuatan masing-masing sebagaimana yang dinyatakan oleh murid, "*Kerjasama yang kuat rakan-rakan dalam kumpulan dengan buat kerja masing-masing menjadikan kami lebih bersemangat untuk menyiapkan projek. Kami semua tidak putus asa*" (TBM1:67-69). Dengan adanya sokongan yang diberikan oleh ahli kumpulan, murid tidak mudah patah semangat malah akan berusaha dengan lebih untuk bersaing antara satu sama lain. Ustazah Salmi bercerita:

Daripada variasi kekuatan ahli kumpulan ni, dia akan berjaya buat sesuatu projek tu dengan sangat baik. Berbanding kita bagi tugas secara individu, motivasi mereka tu mereka takkan ada semangat untuk bersaing, tetapi bila dalam kumpulan dia akan jadi semangat. Dan murid yang introvert, yang pemalu yang tak ada semangat nak belajar, masuk kelas tidur, tapi bila dalam kumpulan secara automatic dia akan bangkit (TBG1:95-101).

Secara umumnya, murid mempunyai potensi yang berbeza. Maka guru adalah orang yang bertanggungjawab untuk menggilap potensi tersebut daripada terpinggir dan tidak digunakan. Oleh yang sebab yang demikian, Ustazah Laila percaya aktiviti berkumpulan secara kolaboratif dapat mampu mengembangkan bakat dan kemahiran murid (TBG1:257-264). Kemahiran yang pelbagai ini membolehkan tugas dalam kumpulan diselesaikan secara bersama sebagaimana yang dinyatakan oleh murid, "*Sebelum ini, saya tidak menonjol dan saya percaya cikgu tak kenal saya. Tapi, pertama kali saya diberi tugas sebagai pembentang. Saya cuba buat sebaik mungkin dan dianugerahkan pembentang terbaik. Sungguh saya tidak sangka yang saya ada bakat*" (Aiza/TBM1:76-77).

Selain itu, murid mengetahui kemahiran yang dimiliki oleh rakan-rakan mereka. Dengan cara ini, variasi kemahiran yang dimiliki membolehkan untuk merancang dan mengagihkan tugas dalam kerja kumpulan. Ustazah Salmi menyatakan, "*Ketua kumpulan pun pandai sebab mereka kenal kawan-kawan diorang kan, tahu apa kepandaian mereka. Laksana tugas, nilai tugas masing-masing sebelum bentang kepada orang lain*" (TBG2:53-55). Apabila murid lebih mengenali rakan-rakan mereka, pembahagian tugas mengikut kemahiran lebih mudah dilaksanakan sebagaimana murid menerangkan, "*Saya ikut kemampuan mereka sebab saya*

dah kenal kawan saya ni lama. Saya tahu apa kelebihan dan kekurangan rakan saya tu” (Zaki/TBM1:77-78).

Kepelbagaian murid dalam bilik darjah memberi kekuatan dan kelebihan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti PdP yang lebih efektif kepada murid (Zamri et al., 2015). Variasi kemahiran yang terdapat dalam kumpulan memudahkan kerja berpasukan dijalankan. Murid dapat menjalankan peranan yang telah diagihkan mengikut kemampuan masing-masing. Lebih-lebih lagi, murid lebih mengenali rakan mereka. Berkerja dalam kumpulan berupaya membuahkan hasil yang lebih baik kerana latar belakang dan kemahiran yang berbeza (Noor Afzaliza Nazira & Maizatul Haizan, 2021). Bahkan, murid terdedah dengan banyak peluang dan saling belajar antara satu sama lain untuk mencapai matlamat bersama. Bakat dan kemahiran murid yang terpendam dapat dicungkil melalui kolaborasi dalam kumpulan. Pembahagian tugas yang dibuat dapat menjimatkan masa, bahkan tugas menjadi mudah apabila diuruskan bersama. Meskipun begitu, Sankaranarayanan et al., (2020) menyarankan guru membuat penggiliran dalam tugas yang dilakukan oleh murid selepas selesai sesuatu projek. Dengan cara ini, murid mempunyai peluang untuk mencuba peranan yang berbeza dan membuka peluang untuk belajar kemahiran yang baharu (Sankaranarayanan et al., 2020). Galakan daripada guru dalam proses pembelajaran untuk mencuba pelbagai tugas dan kemahiran akan memberi kesan positif dalam diri murid (Usha Nagasundram & Vijayaletchumy Subramaniam, 2019). Dengan cara ini, guru mampu menarik dan merangsang murid untuk meneroka dan mencuba perkara baharu dalam proses pembelajaran mereka.

c) Penggunaan teknologi

Penggunaan teknologi juga dapat membentuk elemen kolaborasi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) telah diperkenalkan untuk memudahkan pengurusan penyampaian pendidikan sebagai normal baharu bagi mengatasi penyebaran penyakit berjangkit Covid-19. Guru terpaksa beralih daripada pengajaran secara bersemuka kepada secara dalam talian dengan menggunakan pelbagai platform seperti *Whatsapp*, *Telegram*, *Google Classroom* dan *YouTube*. Meskipun pengajaran dan pembelajaran bertukar kepada cara baharu, murid dilihat tidak kekok dan memberi komitmen penglibatan dengan baik. Kesemua peserta kajian menggunakan aplikasi *Whatsapp* sebagai saluran untuk menyampaikan maklumat berkaitan pengajaran seperti mengedarkan bahan serta menerima dan menghantar tugas. Pemilihan aplikasi seumpama ini mengambil kira keupayaan berhubung dengan mudah dan perkongsian bahan. Menurut Ustazah Laila, *“Whatsapp ni mudah sedikit berbanding yang lain, mereka semua ada. Dalam group itu, bila saya kongsi bahan, nota, latihan, atau letak link memang mudah. Dan bila minta pendapat atau cadangan, cepat mereka balas”* (TB2:56-58). Murid juga menyatakan bahawa mereka sering berkomunikasi antara satu sama lain malah ada juga membentuk kumpulan belajar sendiri menerusi aplikasi *Whatsapp*. Seorang murid menjelaskan, *“Kami masih berbincang dalam group Whatsapp, tanya soalan, kawan bantu beri jawapan, sebelum ni pun macam ni. Cuma sekarang, kami lebih banyak bekerjasama antara satu sama lain”* (Zaki/TBM1:55-57).

PdPR dalam normal baharu perlu dijalankan mengikut keberadaan dan keupayaan murid. Hal ini bagi memastikan aktiviti yang dijalankan oleh guru tidak membebankan murid. Oleh hal yang demikian, kesemua peserta kajian banyak menggunakan kaedah pembentangan secara berkumpulan sebagai cara menggalakkan penyertaan murid dalam aktiviti pembelajaran. Walau bagaimanapun, Ustaz Rashid menyatakan rasa bangganya terhadap pencapaian muridnya kerana *walaupun kita PdPR murid mampu berkolaborasi dengan baik untuk hasilkan tugas dengan baik* (TB3:88-89). Bahkan, murid juga menjelaskan, *“Kami boleh jumpa bahan dengan lebih banyak dan dapat idea lebih banyak apabila ada internet. Kemudian, kami*

sharing maklumat-maklumat yang boleh bantu pembentangan kumpulan kami. Memang seronoklah” (Taufik: TBM1:67-68).

Secara kebiasaannya, pembentangan berlaku dalam kelas yang diajar sahaja. Ustazah Laila melihat PdP secara dalam talian sebagai satu kelebihan bagi menjadikan pembelajaran murid lebih kolaboratif. Ustazah Laila berpendapat pembentangan yang dibuat secara penstriman langsung melalui *YouTube* dapat membuka jaringan pendidikan dengan lebih luas. Hal ini dapat diteliti menerusi cerita Ustazah Laila seperti berikut:

Selalu target group hanya pada kawan sekelas, tetapi dengan bantuan teknologi seperti laman web YouTube perkongsian itu dapat diluaskan lagi kepada kawan-kawan kelas lain, kawan-kawan sekolah lain dan agensi-agensi luar (TBG1:217-220).

Murid juga melihat usaha guru ini sebagai aktiviti yang menarik minat untuk disertai. Murid juga menyatakan, *“Saya ada buat pembentangan dalam bentuk video dan muat naik ke TikTok, Instagram. Ada kawan-kawan luar sekolah yang beri komen membina dan kami boleh baiki kelemahan dan kekurangan kami. Adakalanya, saya bertukar-tukar bahan, dan buat video bersama. Seronok...”* (Taufik/TBM1:122-125). Memandangkan media sosial menjadi medium yang dekat dengan jiwa remaja sekarang, Ustaz Rashid juga meminta murid memuat naik video berkenaan subtopik bidang Sirah. Kata Ustaz Rashid,

Murid saya, kebanyakannya ada akaun TikTok, saya minta mereka buat video pendek satu subtopik sirah. Memang berebut-rebut buat. Saya pun ambil kira markah untuk aktiviti dengan melihat jumlah like sebagai galakan. Memang mendapat sambutan kerana memang dekat jiwa anak remaja zaman sekarang” (TBG3:23-28).

Hal ini terbukti melalui penelitian terhadap gambar DG1Rashid menunjukkan tangkapan layar video yang dimuat naik oleh murid ke dalam akaun TikTok mereka. Bersangkutan dengan hal ini, murid juga menunjukkan minat menggunakan media sosial atau *YouTube* semasa belajar sebagaimana yang disebutkan oleh Khatijah, *“Saya lebih suka gunakan YouTube atau media sosial untuk belajar daripada tengok buku teks sahaja”* (TBM1:55-56).

Selain itu, Ustazah Salmi juga menggalakkan muridnya berkolaborasi melalui penghasilan video tutorial. Sebagai contoh, setiap kumpulan membuat video tutorial berkenaan aplikasi atau laman web yang sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Secara tidak langsung, murid membuka ruang untuk berkolaborasi dengan orang lain. Hal ini dapat diperhatikan melalui penjelasan Ustazah Salmi:

Saya minta mereka pula buat tutorial macam mana nak guna plikasi yang mereka guna tu. Macam sekarang ni kan, ada 17 kumpulan, saya akan dapat 17 BBM, tambah pulak kami ada 17 tutorial video. Kan murid ni dah mula menjadi content creator lah, mencipta kandungan bahan. Malah dah boleh mengajar orang lain, bertukar-rukar bahan antara satu sama lain, buat perbandingan hasil sendiri dengan orang lain. Jadi memang baguslah untuk mereka” (TBG1:152-157).

Malah, hal ini dipersetujui oleh murid yang bernama Aiza menjelaskan, *“Saya ada YouTube Channel supaya mudah bagi saya untuk kongsi ilmu-ilmu yang saya ada dengan orang*

lain, kawan dan orang yang saya tidak kenali. Kadang-kadang ni saya collaborate buat live sama-sama" (TBM1:143-145).

Salah satu cara menerapkan elemen kolaborasi dalam PdP ialah mengintegrasikan teknologi melalui pendidikan di sekolah. PdPR telah mendesak guru agar memanfaatkan teknologi dengan menggunakan pelbagai platform dan aplikasi yang boleh dicapai oleh murid. Komitmen murid terhadap pembelajaran dapat dilihat apabila mereka sentiasa berhubung antara satu sama lain untuk berbincang dan berkerjasama dalam menyelesaikan tugas sekolah. Meskipun guru berusaha menyediakan bahan pelajaran dengan berkongsi pautan nota atau video daripada *YouTube*, murid lebih terbuka untuk memilih bahan pembelajaran sendiri. Adakalanya, murid juga membuat perkongsian dengan memberi pautan bahan pelajaran yang dijumpai semasa penerokaan dilakukan. Sudah pasti, murid akan bermotivasi untuk melakukan pembelajaran sendiri (Bani Hidayat Mohd Shafie, 2020). Hal ini bertepatan dengan prinsip heutagogi yang inginkan murid menentukan kandungan dan proses pembelajaran mereka (Blaschke & Hase, 2019).

Kesemua peserta kajian memilih kaedah pembentangan sebagai aktiviti utama semasa PdPR sebagai cara tidak membebankan murid. Peserta kajian menyatakan murid berupaya mempersembahkan hasil, menyampaikan pembentangan dengan persembahan slaid yang berinformasi dan menarik serta boleh menjawab pertanyaan rakan-rakan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Noor Muslieah Mustafa Kamal (2021) yang terdahulu mendapati kaedah pembentangan slaid berpotensi menggalakkan penyertaan semua murid di dalam kelas. Keadaan membuktikan bahawa murid mengadakan kerjasama antara mereka bagi memastikan tugas yang diberi dapat diselesaikan dengan sempurna. Dapatan ini selari dengan pandangan Yogianti (2020) yang menyatakan penggunaan aplikasi pembelajaran berpotensi menyokong pendekatan heutagogi dalam pengajaran dan pembelajaran. Lebih menarik lagi, pembentangan dibuat secara langsung melalui platform *YouTube*. Dengan cara ini, murid dapat membuka jalinan kolaborasi dengan lebih meluas serta membolehkan mereka berkolaborasi dengan rakan sebaya yang menonton penstriman langsung (Chen et al.2021). Murid juga memuat naik hasil projek yang dihasilkan sendiri mahupun berkumpulan di *YouTube*, *TikTok* dan *Instagram*. Kolaborasi dapat dilaksanakan meskipun dalam dunia digital. Penggunaan sumber pelajaran yang optima berupaya meningkatkan pencapaian belajar serta menggalakkan pembelajaran sendiri (Situmoranga et al.,2019).

d) Penglibatan komuniti

Pembentukan elemen kolaborasi juga boleh dibentuk dengan melibatkan murid dalam komuniti. Antaranya ialah ibu bapa, kawasan kejiranan, institut pengajian tinggi (IPT) dan agensi kerajaan. Semua peserta mengakui bahawa ibu bapa perlu mengambil berat soal pendidikan anak-anak. Namun begitu, guru perlu kreatif mencipta peluang tersebut. Ustazah Salmi percaya sokongan daripada ibu bapa akan menjadi motivasi kepada murid. Ustazah Salmi menceritakan pengalamannya menerusi petikan berikut:

Kita minta bantuan ibu bapa. Motivasi daripada mak ayah pun penting. Jika anak-anak buat video dan kita pula kira markah melalui jumlah penonton. Kita mak ayah support video anak-anak dengan bantu minta share dengan pihak luar. Memang laju, murid pun berlumba-lumba (TBG1:277-280).

Perkara yang sama juga bagi Ustaz Rashid sebagaimana kata-kata berikut, "*Biasaya kalau ada aktiviti di peringkat sekolah sendiri, nak-nak kalau itu program murid, kami sentiasa jemput ibu bapa. Memang ibu bapa datang beri sokongan*" (TBG1:221-222).

Kolaborasi juga melibatkan kawasan tempat tinggal murid. Meskipun jarang dilakukan, Ustaz Rashid berpandangan bahawa penglibatan dengan komuniti di kawasan rumah lebih praktikal. Beliau membimbing murid melaksanakan tugas projek iaitu kempen menutup aurat di kawasan kediaman murid masing-masing (TBG1:223). Beliau menambah, “*Kita bukan pergi pintu ke pintu, sekarang ni kita pakai media sosial lagi cepat tersebar*” (TBG1:225). Jalinan kerjasama antara murid dengan komuniti kejrangan juga membantu murid mengaplikasikan kemahiran mereka bersosial dengan masyarakat. Ustazah Zakiah menceritakan pengalamannya mengenai penglibatan murid dengan aktiviti gotong royong di surau taman perumahan memberi impak positif dalam pergaulan mereka sebagaimana petikan berikut:

Mereka merasai sendiri pengalaman ni. Pihak jawatankuasa surau ini beri sijil sukarelawan kepada murid-murid yang terlibat. Kita buat majlis penyampaian sijil di sekolah. Kesannya, kita nampak mereka pandai bawak diri, pandai berkomunikasi, jadi, bila dalam kelas kita nampak mereka lebih menghormati orang tua, pandai bergaul dan meriah, suka bertegur sapa (TBG2:39-41).

Selain itu, guru juga menjalinkan kerjasama dengan pihak IPT sepertimana yang dilakukan oleh Ustazah Salmi. Ustazah Salmi berkerjasama dengan UiTM Macang dengan membawa murid menyertai pertandingan yang dianjurkan oleh pihak universiti tersebut. Kolaborasi seperti ini memberi peluang kepada murid untuk merasai pengalaman belajar di luar bilik darjah. Bahkan, ini adalah peluang keemasan buat murid kerana:

Pihak UITM akan keluarkan sijil kerana kita buat kerjasama dengan mereka. Penting juga untuk murid dapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan. Merit akan lebih dapat untuk murid (TBG1:195-197).

Pengkaji juga meneliti dokumen bergambar Ustazah Salmi (DG11Salmi) yang menunjukkan penglibatan pakar mata pelajaran Pendidikan Islam dan ahli akademik sebagai panel penilai pembentangan inovasi bahan pembelajaran hukum tajwid yang dihasilkan oleh murid-murid. Ustazah Salmi juga sering melibatkan golongan pakar bagi mata pelajaran Pendidikan Islam semasa PdP dijalankan. Penyertaan pakar dalam sesi ini membolehkan murid untuk mengajukan soalan secara terus kepada mereka. Maklum balas yang luar biasa ditunjukkan oleh murid sehinggakan *masa yang diberikan itu tidak mencukupi* (UstazahSalmiTBG3:55). Malah, murid juga menyatakan pandangan positif yang berbunyi, “*Bila ada pakar masuk kelas kita, saya memang teruja nak tanya macam-macam soalan kerana kita dapat jawapan. Rasa terinspirasi dengan orang yang hebat-hebat*” (Khatijah/TBM1:43-45).


Seterusnya, kolaborasi dalam PdP juga dilakukan dengan agensi kerajaan dan swasta sebagaimana yang dilakukan oleh Ustazah Laila. Berdasarkan penelitian gambar, Ustazah Laila membawa murid bersama menjalankan aktiviti sukarelawan mengedar juadah berbuka puasa bersama pihak Masjid Wilayah Persekutuan (DG3Laila), murid merasakan pengalaman membayar zakat di pusat zakat, radio IKIM, mengikuti proses perbicaraan di Mahkamah Rendah Syariah dan melaksanakan solat Jumaat di Masjid UIA (DG4Laila). Ustazah Laila percaya bahawa pembelajaran berlaku secara bermakna kerana mereka mengalami sendiri proses mendapatkan pengetahuan, bahkan *pembelajaran di luar bilik darjah dengan kolaborasi ke dalam komuniti adalah bersesuaian dengan tajuk dalam sukatan pelajaran mereka* (TBG1:247-249).

Dapatan kajian juga mendapati guru mengadakan kolaborasi dengan komuniti. Antaranya ialah ibu bapa, kawasan kejiranan, IPT serta agensi kerajaan. Ibu bapa yang menjalinkan kerjasama yang baik dengan guru dapat memberi kesan yang positif terhadap pencapaian dan tingkah laku murid. Murid akan bermotivasi dalam pelajaran kerana mendapat sokongan dan dorongan yang optima daripada ibu bapa mereka (Vellymalay, 2017). Dengan adanya kerjasama yang erat, ibu bapa boleh melibatkan diri dalam pembelajaran murid bagi mendapat kepuasan sendiri (Norshidah et al., 2016). Guru juga mengajak murid mengadakan program di kawasan tempat tinggal mereka. Sebagai contoh, peserta kajian membimbing murid membuat kempen menutup aurat dan aktiviti gotong royong di surau. Menurut Noor Afzaliza Nazira & Maizatul Haizan (2021), murid yang melibatkan diri dengan aktiviti kerja luar yang memerlukan mereka berhubung dengan ramai orang akan memiliki sifat kepimpinan malah aktiviti yang dijalankan mendapat sokongan daripada pihak yang terlibat. Malah, kolaborasi dengan komuniti membolehkan murid membina hubungan dengan individu yang pelbagai, berkongsi idea dan pendapat dengan orang lain serta melebarkan jaringan sosial (Normah Awang Noh and Ain Zahirah Mohd Zahid, 2021).

Kolaborasi antara universiti dan sekolah adalah perkara yang penting kerana kedua-dua pihak mempunyai matlamat yang sama iaitu mengarah kepada perkembangan pembelajaran dan intelek (Norshidah Mohamad Salleh et al., 2016). Dalam konteks kajian ini, murid diberi pendedahan mengenai inovasi sebagaimana yang dijalankan di peringkat universiti. Dengan cara ini, murid mendapat pendedahan mengenai reka cipta serta membantu mereka melaksanakannya di peringkat sekolah. Selain itu, dapatan kajian juga menemukan guru mengadakan kolaborasi dengan agensi kerajaan seperti pusat zakat, masjid, mahkamah dan radio IKIM sebagai sumber komuniti yang boleh memberi sumbangan dalam bentuk kepakaran untuk membantu program atau aktiviti pembelajaran di sekolah. Murid boleh mengalami pembelajaran dengan kehidupan sebenar yang lebih bermakna. Dapatan kajian ini selaras dengan Siti Hajar Man (2018) yang menyatakan kolaboratif komuniti merupakan perkongsian bijak bagi merangkai titik-titik ke arah transformasi pendidikan yang berfokuskan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti.

5. Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, guru Pendidikan Islam dilihat telah pun menerapkan elemen kolaborasi melalui pendekatan heutagogi dalam pengajaran mereka. GPI kreatif mempelbagaikan aktiviti pengajaran yang mengutamakan pembelajaran berpusatkan murid. GPI membuka peluang kepada murid untuk membuat penerokaan ilmu dan kemahiran baharu sebagai memenuhi keperluan pendidikan pada abad ke-21. Dalam masa yang sama, GPI juga berfikiran terbuka dan berusaha mempertingkatkan ilmu dan kemahiran diri agar selari dengan keperluan pendidikan masa kini. Implementasi pendekatan heutagogi memberikan alternatif baru kepada guru untuk mewujudkan persekitaran pendidikan yang lebih efektif. Dapatan ini memberi impak kepada banyak pihak seperti ibu bapa dan komuniti bahawa pendidikan adalah tanggungjawab bersama dalam merangka program kolaborasi untuk meningkatkan kualiti pembelajaran murid. Bahkan, pembelajaran seumpama ini dapat melatih murid dengan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat. Ringkasnya, dapatan kajian dapat difahami melalui rajah berikut:



Rajah 1: Cara Membentuk Elemen Kolaborasi

Rujukan

- Abdull Sukor, Mohd Izam Ghazali, Nurahimah Mohd Yusoff & Mohd Isha Awang. (2017). Amalan pedagogi berpusatkan pelajar dan masalah yang dihadapi guru-guru pelatih program pensiswazahan guru untuk mengamalkan pedagogi berpusatkan pelajar semasa praktikum. *Proceedings of the ICECRS*, Vol. 1 Issue 1, 599-608.
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 7 Issue 2, 7-88.
- Ibnu Khaldun. (2002). *Mukaddimah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bani Hidayat Mohd Shafie. (2020). Pelaksanaan pdpc dalam talian (oll) semasa perintah kawalan pergerakan (pkp) fasa 1 dan 2 covid-19. *Jurnal Dunia pendidikan*, Vol. 2, Issue 2, 213-221.
- Blaschke, L. M., Kenyon, C. & Hase, S. (2014). *Experiences in self-determined learning*. CreateSpace Independent Publishing Platform.
- Blaschke, L. M. (2018). *Self-determined Learning (Heutagogy) and Digital Media Creating integrated Educational Environments for Developing Lifelong Learning Skills*. In: *The Digital Turn in Higher Education: International Perspectives on Learning and Teaching in a Changing World*, edited by D. Kergel, B. Heidkamp, P. K. Tellús, T. Rachwal and S. Nowakowski, Springer Fachmedien Wiesbaden.
- Blaschke, L. M. (2019). *The pedagogy–andragogy–heutagogy continuum and technology-supported personal learning environments*. In: *SpringerBriefs in Open and Distance Education*. Springer Science and Business Media B.V.
- Canning, N. & Callan, S. (2010). *Heutagogy: Spirals of Reflection to Empower Learners in Higher Education*. *Reflective Practice*, 11(1), 71-82.
- Chen, Z. , Cao, H. , Deng, Y. , Gao, X., Piao, J. Xu, F. & et al. (2021). *Proceedings of the 2021 CHI Conference on Human Factors in Computing Systems 2021*, 1-16.
- Creswell, J. W. (2014). *A concise introduction to mixed methods research*. SAGE publications.
- Hase, S. and Kenyon, C. (2007). *Heutagogy: A Child of Complexity Theory*. *Complicity: An International Journal of Complexity and Education*, Vol. 4 Issue 1, 111-118.

- Hase, S. & Kenyon, C. (2013). The nature of learning. In Self-determined learning: Heutagogy in action (pp. 19-35). A&C Black.
- Hui, Grace C.H. & Kimberly L. Mason (2005). Motivations of Parental Involvement in Children's Learning: Voices from Urban African American Families of Preschoolers. Department of Teacher Education. College of Education and Human Services, Cleveland State University, Cleveland, Ohio.
- Fisk, P. (2017). Education 4.0... the future of learning will be dramatically different, in school and throughout life. Retrieved February 13, 2022 from <https://www.peterfisk.com/2017/01/future-education-young-everyone-taught-together/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). Sukatan pelajaran Pendidikan Islam KBSM. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Laal, M. & Ghodsi, S. M. (2012). Benefits of collaborative learning. *Procedia-social and behavioral sciences*, Vol. 31, 486-490.
- Mohd Asnorhisham Adam and Abdul Rahim Hamdan. (2017). Pendekatan pengajaran secara berkumpulan dalam program pemulihan khas bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*. Vol. 7, Issue Mei, 66-73.
- Mohd Faiz Mohd Yaakob and Muhamad Rozaimi Ramle. (2016). Konsep kolaborasi dalam komuniti pembelajaran profesional: Satu tinjauan dari perspektif Islam. *Geografia*, Vol. 12, Issue 10.
- Muhamad Azhar Stapa & Mohamad Ibrahim and Amri Yusoff. (2017). Kolaborasi dalam pendidikan vokasional: Mewujudkan pembelajaran teradun melalui teknologi web 2.0. *Journal of ICT in Education*, Vol. 4, 35-51.
- Muhammad Ayisy Baharudin and Mohd Ashraf Ibrahim. (2019). Kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih sejarah IPG zon selatan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, Vol. 2 Issue 5, 32-42.
- Normah Awang Noh and Ain Zahirah Mohd Zahid. (2021). Manfaat Penglibatan Dalam Kesukarelawanan Terhadap Pembangunan Kemahiran dan Sosial Dalam Kalangan Mahasiswa Persatuan Kelab Penyayang. *The Malaysian Journal of Social Administration*. Vol. 15, 67-84.
- Norshidah Mohamad Salleh, Manisah Mohd. Ali, Rosadah Majid and Khalim Zainal. (2016). Kolaborasi universiti, sekolah dan komuniti menerusi pembelajaran tindakan dan jaringan. ASEAN Comparative Education Research Network Conference. UKM
- Noor Afzaliza Nazira Ibrahim & Maizatul Haizan Mahbob. (2021). Keterampilan Peribadi Pelajar Sebagai Satu Bentuk Kemahiran Komunikasi dan Kepentingannya dalam Pasaran Dunia Pekerjaan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, Vol. Jilid 37(1), 209-226.
- Noor Muslieah Mustafa Kamal, Zaharah Hussin, Abdul Muhsien Sulaiman & Nurul Nadia Abd Latib. (2021). Pendekatan heutagogi dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (pdpr) menggunakan m-pembelajaran. *Journal of Islamic Educational Research*, Vol. 7, 44-65.
- Raja Abdullah Raja Ismail and Daud Ismail. (2018). Aplikasi 'Konsep 4C' Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)*, Vol. 1, 45-65.
- Rohmana, W. I. M. & Rinda, R. K. (2019). Humanism Approach in Children Education: A Look Into Humane Perspective Of Teaching English To Children Preschool: *Jurnal Perkembangan dan Pendidikan Anak Usia Dini*, Vol. 1 Issue 1, 1-10.
- Sankaranarayanan, S., Kandimalla, S.R., Cao, M., Maronna, I., An, H., Bogart, C., Murray, R.C., Hilton, M., Sakr, M. and Penstein Rosé, C. (2020), "Designing for learning

- during collaborative projects online: tools and takeaways", *Information and Learning Sciences*, Vol. 121 No. 7/8, pp. 569-577
- Siti Hajar Man. (2018). Kolaboratif kreatif sekolah dan komuniti: Merangkai titik-titik fokus sekolah ts 25. Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-25. IAB Bandar Enstek 1.
- Situmoranga, R. , Siangb, J. L. , Ibrahimc, N. & Lagunsiangd, J.(2019). Development of Collaborative Learning Materials Based on QR Code to Facilitate Learning. *Development* ,Vol. 8 Issue 6.
- Unit Perancang Ekonomi. (2015). Rancangan malaysia kesebelas 2016-2020. Kuala Lumpur:Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Usha Nagasundram and Vijayaletchumy Subramaniam. (2019). Strategi kemahiran membaca dalam kalangan murid sjk(t). *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, Vol. Jilid 20.
- Vellymalay, S. K. N. (2017). Kerjasama pihak sekolah dan penglibatan ibubapa india dalam pendidikan anak di sekolah kebangsaan. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 31,131–151.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak and Mohd Isa Hamzah. (2021). Kolaborasi dalam Penghasilan Inovasi Pengajaran. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, Bil. 32 (2), 1-17.
- Wan Mariana Wan Mohamad and Kamarul Shukri Mat Teh. (2019). Pembelajaran Abad ke-21 dalam Al-Quran: Satu Manual Pendidikan Istimewa daripada Allah. *Journal of Educational Research & Indegenous Studies*, Vol. 2 Issue 1, 192-201.
- Yin, R. K. (2011). *Applications of case study research*. SAGE.
- Yogianti Dwi Rahayu Wismaningrum, Harun Jojo Prayitno and Eko Supriyanto. (2020). Heutagogy approach: The implementation of new normal era learning. *The 5th Progressive and Fun Education International Conference (PFEIC 2020)*. Atlantis Press, 189-193.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir and Mohamed Amin Embi. (2015). *Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pembelajaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.